

Najib Ucap Tahniah Kepada Juruterbang Halim 'Toogoo'
Bernamea
August 20, 2014

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah kepada peserta tunggal negara Datuk Halim Othman atas kejayaan merangkul gelaran sulung Piala Cabaran pada Kejohanan Dunia Perlumbaan Udara Redbull 2014 di Ascot, Britain, Ahad lepas.

"Syabas Halim Othman kerana memenangi Piala Cabaran pada Kejohanan Dunia Perlumbaan Udara Redbull 2014 baru-baru ini. Teladan yang baik untuk juruterbang (Tentera Udara Diraja Malaysia-TUDM) lain," kata perdana menteri dalam kiriman terbaru di akaun Twitternya pada Rabu.

Halim, 48 yang turut dikenali sebagai "Toogoo", bekas juruterbang TUDM menjuarai pusingan kelima perlumbaan Piala Cabaran di Ascot selepas menduduki tempat terakhir daripada enam peserta pada pusingan ketiga di Putrajaya, Mei lepas.

Kejayaan itu membolehkan Halim, mengumpul 10 mata dan menduduki ranking keenam keseluruhan, ketinggalan 20 mata di belakang pendahulu musim, Francois Le Vot dari Perancis.

Piala Cabaran adalah ujian utama sebelum seseorang juruterbang diberikan 'Lesen Super Tanpa Had' iaitu tiket ke kelas Masters sebelum menyertai perlumbaan udara peringkat dunia.

Pusingan keenam akan diadakan di Forth Worth, Texas, Amerika Syarikat, pada 6 dan 7 Sept ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1061946>